

KETERANGAN AM

1.	Kementerian	:	Kewangan
2.	Jabatan	:	Kastam Diraja Malaysia
3.	Tajuk Mesyuarat	:	Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta, Bil. 1/2006.
4.	Tarikh	:	6 Februari 2006
5.	Masa	:	10.00 pagi
6.	Tempat	:	Bilik Gerakan, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia, Aras 3 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya.

AGENDA MESYUARAT

Agenda 1	:	Ucapan Pengerusi
Agenda 2	:	Ucapan Pengerusi Bersama
Agenda 3	:	Mengesahkan Minit Mesyuarat Bil.1/2005
Agenda 4		Membincangkan Perkara Berbangkit
Agenda 5		Membincangkan Usul-Usul Baru
Agenda 6		Hal-Hal Lain

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA
BIL.1/2006**

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
1.	Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Rahman bin Abd. Hamid	Ketua Pengarah Kastam (Pengerusi)
2.	YM Raja Abd. Aziz bin Raja Musa	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) (Pengerusi Bersama)
3.	Y.Bhg. Dato' Haji Wazir bin Haji Muaz	Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan)
4.	Y. Bhg. Dato' Ibrahim bin Jaapar	Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Operasi)
5.	Y. Bhg. Dato' Mat Yusof bin Abdullah	Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pencegahan)
6.	Y. Bhg. Dato' Zaleha bt Hamzah	Penasihat Kastam
7.	Y. Bhg. Datu Mohamed Khalid bin Mohamed Yusof	Pengarah Kastam Negeri Selangor
8.	Y. Bhg. Dato' Hj Mohamed Ibrahim bin Bahari	Pengarah Bahagian Cukai Dalamn
9.	Tuan Ibrahim bin Md. Isa	Pengarah Bahagian Perancangan Koporat
10.	Y. Bhg. Dato' Ahmad Akbar bin Zahari	Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknik
11.	Puan Hajjah Halimah bt Salleh	Pengarah Bahagian Kastam
12.	Tuan Haji Abdul Karim bin Hanapiah	Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Kewangan
13.	Tuan Haji Mohamed Adnan bin Ariffin	Pengarah Bahagian Pencegahan

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
14.	Tuan Roslan bin Yusof	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Import/Eksport
15.	Tuan Haji Mohd. Shuib bin Khalid	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Cukai Perkhidmatan
16.	Tuan Baharudin bin Md. Yusup	Timbalan Pengarah Kastam Bahagian Pencegahan
17.	Puan Jamaiah bt Hj. Jol	Timbalan Pengarah kastam Cawangan Pengurusan Penjenisan, Tarif, Penggubalan & Gazet
18.	Puan Jalilah binti Mahdan	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Cukai Jualan
19.	Tuan Haji Shahrudin bin Ibrahim	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Siasatan Khas
20.	Tuan Haji Salahuddin bin Ab. Rahman	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Pengurusan Kewangan & Perolehan
21.	Puan Omi Marsom bt Mohd Tahir	Penolong Kanan Pengarah Kastam Cawangan Perindustrian
22.	Tuan Iskandar bin Jaafar	Penolong Kanan Pengarah Kastam Cawangan Pengurusan Penilaian & Pasca Import
23.	Tuan Mohamad bin Saprin	Pegawai Khas Ketua Pengarah kastam
24.	Tuan Abd. Gani bin Othman	Penolong Kanan Pengarah Kastam Unit Perhubungan Awam (Setiausaha)
25.	Encik See Zoo Thai	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam (Penolong Setiausaha)
26.	Cik Noorlida binti Ibrahim	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam
27.	Tuan Ishak bin Ismail	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
28.	Tuan Jamaludin @ Jamal bin Jinal	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam
29.	Y. Bhg. Dato' Lee Ow Kim	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
30.	Encik Yeoh Seng Hooi	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
31.	Puan Shamini Sakthinathan	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
32.	Cik Wong Hin Wei	Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Antarabangsa (MICCI)
33.	Puan Lee Ah Yem	Deloitte KassimChan Tax Services Sdn. Bhd
34.	Encik Nadarajah s/o Patchaimuthu	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)
35.	Puan Olivia Onn	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)
36.	Puan Kulwant Kaur	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)
37.	Encik Poon Yew Hoe	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
38.	Puan Melissa Yeoh	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
39.	Encik A. Jayaratnam	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
40.	Puan Sunita Nanthan	Institut Percukaian Malaysia (MIT)

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
41.	Encik Yazirruddin bin Md. Zom	Global Logistics (Kontena Nasional Berhad)
42.	Encik Walter Culas	Airfreight Forwarders Association Of Malaysia (AFAM)
43.	Cik Poh Wan Kh'ng	Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM)
44.	Encik Shamsuddin bin Ab. Rahman	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
45.	Encik Krishnan Chelliah	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
46.	Encik William Yeo	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
47.	Encik Tan Ah Beng	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
48.	Cik Chong Li Wei	Institut Akauntan Malaysia (MIA)
49.	Puan Noor Azlina bt Abu Bakar	Institut Akauntan Malaysia (MIA)
50.	Encik Khadmudin bin Hj. Mohd Rafik	Malaysian Knitting Manufactures Association (MKMA)
51.	Encik Johari bin Haji Zakariah	Malaysia Association Of Company Secretaries (MACS)
52.	Tuan Haji Osman bin Ujang	Malaysia Association Of Company Secretaries (MACS)
53.	Encik V. Muthiah	Persekutuan Wakil-Wakil Perkapalan Malaysia (FOMSA)
54.	Encik Abu Bakar bin Hussein	Persekutuan Perkapalan Wilayah Tengah (CRSA)

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
55.	Encik Razeman bin Kamarulzaman	Persatuan Industri Komputer Dan Multimedia (PIKOM)
56.	Encik Charles Subramaniam	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)
57.	Encik Khu Heong Chye	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)
58.	Encik Fong Keng Lun	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)
59.	Encik Azizan bin Omar	Majlis Perhubungan Industri NSDK (NSILC)
60.	Puan Hamidah bt Ali	Majlis Perhubungan Industri NSDK (NSILC)

AGENDA 1

UCAPAN PENERUS

MESYUARAT Panel Perundingan Kastam-Swasta Bilangan 1/2006 dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Abd. Rahman bin Abd. Hamid, Ketua Pengarah Kastam Malaysia. Penerusi memaklumkan bahawa beliau baru saja mempengerusikan mesyuarat pagi bersama-sama Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kastam pada setiap Isnin untuk menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan Jabatan. Penerusi mengucapkan tahniah kepada YM. Raja Abd, Aziz bin Raja Musa dari FMM kerana dilantik menjadi Penerusi Bersama bagi mewakili pihak Swasta.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama mengucapkan syukur kepada s.w.t. Allah kerana dengan limpah kurnianya dan hidayahNya kita dapat bersama-sama dalam Mesyuarat pada pagi ini. Selaku Ketua Pengarah Kastam Malaysia yang baru mengambil alih, beliau mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan delegasi Ahli Panel Mesyuarat yang telah hadir pada pagi ini dan beliau ingin menyampaikan hasrat dan harapannya, mudah-mudahan kita dapat sama-sama memainkan peranan mengikut ruang dan kesempatan yang ada bagi faedah bukan saja untuk kepentingan Jabatan sebagai pemungut hasil negara tetapi juga bagi faedah pembangunan negara ini. Beliau berjanji untuk terus melakukan dasar pintu terbuka kepada semua Ahli bagi mempertimbangkan apa juga pandangan yang sesuai bagi mencapai objektifnya.

Sebenarnya pihak Kastam merupakan agensi pertama yang percaya kepada perhubungan dua hala diantara agensi Kerajaan dengan Swasta kerana yakin dengan manfaat yang diperolehi daripada hasil kerjasama kedua-dua pihak. Ini merupakan satu pelan lama yang KDRM telah lalui selama 15 tahun tetapi sejak beberapa tahun yang lalu, beliau dapat melihat secara dekat pembangunan *smartpartnership* Kastam-Swasta ini telah melalui beberapa fasa pembangunan. Misalnya, pada fasa pertama akhir 80an-90an, diperingkat awal perhubungan Kastam dengan Swasta pada masa itu tidak begitu positif dimana kalau Kastam minum teh bersama agen penghantaran, selalulah dianggap sebagai tidak baik. Itu adalah satu sejarah pada ketika itu tetapi oleh kerana dengan adanya dasar-dasar terbuka Jabatan dan Kerajaan yang mula menyedari bahawa Negara perlulah digerakkan bukan saja oleh Sektor Awam tetapi juga Sektor Swasta dan harus kedua-duanya bertindak seiring bagi membangunkan Negara. Maka dari semasa ke semasa banyaklah perjumpaan/pertemuan yang berlaku diantara Kastam dengan Swasta. Keadaan ini telah memberikan peluang untuk meningkatkan hubungan duahala ke arah keadaan yang lebih harmoni dan lebih memberi faedah kepada Jabatan.

Hubungan yang berlaku pada masa fasa kedua ini digerakkan melalui *platform* yang teratur dan berstruktur, misalnya mesyuarat formal sebegini yang dianjurkan beberapa kali setahun yang bukan saja dilaksanakan diperingkat nasional tetapi juga diperingkat negeri. Hasil daripada perjumpaan ini nampaknya persepsi yang tidak begitu baik dalam konteks hubungan Kastam Swasta mulalah terhakis dan mulalah terbina perasaan percaya diantara satu dengan lain. Kita dapati hasil daripada keadaan ini maka mulalah muncul beberapa tindakan kerjasama bersama, misalnya dari segi penglibatan pihak Swasta dalam majlis-majlis Kastam tertentu, Hari ini kita mungkin *enjoy* dengan fasa ketiga yang lebih harmoni, lebih mantap dan lebih bersinergi diantara Kastam dengan Swasta. Ini telah membolehkan ide-ide dari pihak Swasta dapat diterima dengan begitu baik oleh Sektor Awam dan telah mula wujud kesedaran kedua-dua pihak untuk melihat apakah sumbangan masing-masing bagi

menyelesaikan sesuatu isu. Yang paling selesa sekarang ini ialah satu penerimaan yang meluas dari pihak Swasta bahawa Kastam sebenarnya boleh membantu masa depan Swasta dengan syarat pihak Swasta dapat membantu Kastam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Sebagai contoh, apabila sesuatu syarikat menghadapi lambakan barangan kedalam negara ini yang harganya diragukan, mereka datang kepada Kastam untuk membincangkan masalah yang dihadapi dan pihak Swasta memberi input-input yang membolehkan Kastam mengambil tindakan dengan pantas dan berkesan. Hasilnya telah ternyata dimana Kastam dapat mematahkan aktiviti-aktiviti frod/penyeludupan yang dapat menyelamatkan hasil negara dan pada masa yang sama pihak Swasta juga dapat satu ruang yang lebih selesa dari segi perniagaan yang ada. Perkembangan ini nampaknya sentiasa sihat, bukan saja satu syarikat tampil tetapi banyak syarikat sekarang ini telah mula mendekati Kastam untuk memberi input-input yang baik dan Kastam dapat bertindak dengan berkesan.

Beliau mengucapkan banyak terima kasih apabila ada surat-surat yang dihantar kepada Kerajaan, *stakeholder* dan Perdana Menteri yang memuji Kastam serta beliau. Mengenai kerjasama yang telah dicapai, beliau secara ikhlas melihat sebenarnya tidak ada sebab untuk Kastam tidak hendak membantu pihak Swasta kerana fungsi Kastam itu selain daripada memunggut hasil dan mengawal kehilangan hasil, Kastam juga bertanggungjawab untuk membangunkan dasar-dasar yang boleh menggalakkan pertumbuhan industri. Tetapi dengan adanya perhubungan yang lebih terperinci dan perjumpaan yang semakin kerap, kita dapat *develop trust* dan telah semula membincangkan perkara-perkara yang memberi manfaat kepentingan bersama, akhirnya kita dapat melihat bahawa ada banyak ruang dimana kedua-dua pihak boleh mewujudkan *win-win situation*. Pada pandangan beliau, selain daripada mesyuarat ini, mesyuarat lain harus menjurus kepada isu-isu pokok/ dasar dan harus ada *platform-platform* lain yang membolehkan pihak Kastam dan Swasta duduk bersama bagi membincangkan isu-isu semasa setempat.

Pada hari ini, kesan globalisasi bukan saja memberi peluang dan ruang untuk memasarkan pasaran baru yang tidak terhad tetapi juga didedahkan kepada persaingan-persaingan yang lebih mantap dan lebih sukar dicabar. Misalnya, dengan wujudnya pasaran terbuka di negara China yang mempunyai penduduk yang lebih satu bilion itu telah menyebabkan negara itu menjadi negara yang paling selesa dan diminati oleh pelabur-pelabur oleh kerana kosnya yang sangat rendah. Apabila kosnya sangat rendah ia akan membolehkan keluaran barangan di negara tersebut memasuki pasaran negara kita dengan harga rendah. Apabila kilang-kilang di negara kita memproses barangan yang sama seperti di negara China, kita akan berhadapan dengan persaingan dari segi pasaran. Pada ketika itu, kita dapati syarikat-syarikat tempatan menghadapi hempitan dan hakisan pasaran. Lebih-lebih lagi, dengan adanya kemasukan ke negara kita lambakan-lambakan barangan frod yang diikrar dengan harga rendah secara sengaja oleh kerana ada aktiviti *money laundering* atau aktiviti kemasukan barangan counterfeit ke dalam negara ini akan menyebabkan syarikat-syarikat tempatan menghadapi persaingan dari segi harga, misalnya rokok. Kalaulah rokok-rokok yang dibawa masuk adalah rokok-rokok seludup atau counterfeit yang dibayar cukai/ ada banderol yang mungkin Kastam sendiripun tak kenal atau tak faham, mampu dijual pada harga yang lebih rendah daripada rokok di pasaran tempatan, kesannya kepada industri rokok tempatan sangat ketara. Ini adalah satu contoh yang kita mudah fahami. Sekiranya tidak wujud kerjasama diantara Kastam dengan syarikat yang terlibat, bagaimanakah syarikat menghadapi keadaan itu kerana pihak syarikat tidak mempunyai kuasa untuk menahan barang itu. Pada masa itu, nampaklah perlunya Kastam dan syarikat tersebut bekerjasama, iaitu, memberitahu Kastam yang mana rokok tiruan dan yang mana bukan tiruan, yang mana tiles berkualiti tinggi, yang mana *glass float* , yang kadang-kadang Kastam pun tidak tahu.

Kastam sepatutnya tahu kod tarif untuk semua barangan dalam dunia tetapi kita merasa kita tahu sebenarnya kita bukti kita tidak tahu. Kalau mereka dapat memberi senarai kepada Kastam dan Kastam mempunyai kuasa untuk bertindak tentulah tindakan Kastam tadi dapat membolehkan Kastam menjalankan fungsinya menyelamatkan hasil negara manakala syarikat dapat menyelamatkan pasaran. Inilah senario yang pada beliau mengharapakan satu bentuk respons yang lebih positif daripada pihak Swasta dengan menjadikan Kastam rakan kongsi di negara ini. Kita sama-sama melaksanakan peranan kita bagi kepentingan negara dari segi hasil dan perkembangan industri yang akhirnya juga memberi hasil kepada negara.

Bagi saya, Jabatan Kastam bukan saja menghadapi cabaran untuk meneruskan agenda pembangunan kecemerlangan Kastam yang telah dijayakan oleh bekas Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halil bin Abd. Mutalib, yang telah melaksanakan tugasnya dengan begitu cemerlang dalam Jabatan Kastam ini, tetapi saya harus menangani cabaran baru yang saya hadapi dari masa ke semasa. Oleh yang demikian atas komitmen ini, saya telah memperkenalkan dasar pembangunan Jabatan untuk tempoh lima tahun 2006-2010 yang berteraskan kepada pembangunan ICTR. ICTR sebenarnya ialah empat agenda pembangunan yang diberi tumpuan oleh Kastam. Tujuan saya menyebutnya ialah untuk mengundang kerjasama dan pemahaman pihak Swasta tentang pendirian Jabatan dan saya mempelawa kerjasama pihak Swasta dalam aspek ini. Pembangunan ICTR ialah pembangunan dari segi Integriti, *Core business*, Teknologi dan hubungan dengan Rakyat.

Integriti diberikan keutamaan kerana KDRM adalah agensi berkaitan dengan wang. Sesiapa yang pegang wang selalulah orang tidak percaya dan prejudis kepada orang yang dekat dengan wang. Oleh kerana Kastam pegang wang orang lain pun hendak cari wang, soal integriti kepada Kastam ialah sesuatu yang sensitif. Kalau kita tengok dalam kes-kes BPR, Kastam sedikit sangat yang kena tangkap atau yang lain belum ditangkap atau memang tak hendak ditangkap tetapi statistik menunjukkan tidak ramai ditangkap. Yang paling penting kepada beliau, integriti ini bukan soal menyalahgunakan kuasa, penyelewengan dan sebagainya, tetapi integriti termasuk perilaku/ tingkahlaku, samada kita bersih, nampak bersih dan berbau bersih atau sebaliknya. Kita bersih kerana tiada kes BPR, nampak bersih bermakna orang itu nampak *very clean*, berbau bersih bermakna bila orang dekat kita, kita berbau bersih. Ketiga-tiga aspek ini mesti ada pada Pegawai Kastam. Ini bukan kerja yang mudah dan tentunya memerlukan kerjasama dari semua ahli panel. Bahkan pada beliau, contoh-contoh tindakan yang tak bersih ini memang hari-hari diperkatakan oleh akhbar. Kastam juga ada aspek-aspek yang boleh menampakkan tidak bersih, apatah lagi berbau bersih. Beliau memaklumkan bahawa beliau memang percaya kepada pentingnya integriti kerana pada beliau, integriti ada sekali saja dalam hidup, sekali kita hilang integriti kita mungkin tiada peluang untuk memutihkan. Oleh yang demikian, kalau kita ada dalam diri kita integriti kita harus pertahankan mati-kematian.

Yang kedua ialah *Core business*. Ini memerlukan kerjasama daripada ahli-ahli Panel untuk menyampaikan kepada ahli-ahli persatuan. Tahun ini kita dapat capai RM 25.1995 bilion (Forecast Kerajaan RM 24.5bilion). Tahun 2004 kita pungut RM 21.7 bilion, kita telah menambahkan pada kadar 16.2%, satu angka yang tertinggi dalam sejarah. Semua orang mengucapkan tahniah kepada Kastam dan Kastam tepok tangan 25 kali tetapi persoalannya 'Adakah 25.2 bilion angka yang betul?'- Cukai yang patut dipungut oleh Kastam dan cukai yang patut dipungut oleh pembayar-pembayar Kastam. Pada beliau, fungsi Kastam bukan memungut cukai dengan lebih tetapi memungut cukai dengan betul (*zero defect*). Ketika kita memungut RM 25.2 bilion, harga-harga barangan diikrar seperti berikut :- televisyen diikrar RM 74 yang harga sebenarnya RM 18,000, *pocket motorcycle* diikrar 70 sen sebagai *toy* yang dijual pada

harga RM 2,000-3,000 dan ada yang mengikrar kereta *BMW 5 Series* dalam Borang K8 dengan harga RM 74.54. Kalau macam itu keadaannya, adakah kutipan RM 25.2 bilion betul? Adakah ia menunjukkan Kastam sudah menjalankan tugas dengan efektif atau menunjukkan masyarakat yang membayar cukai telah melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna? Mungkin Kastam tak pungut duit untuk Kerajaan. Kita pungut untuk Negara kita dan untuk semua orang (*for yourself, our people and everybody in this country*). Cabaran mesyuarat hari ini ialah samada Kastam atau Swasta kutip cukai yang betul. Selagi kita tidak dapat mencapainya selagi itu mesyuarat ini belum capai tetapi beliau tidak mengharap tomorrow atau sebaliknya. Kalau beliau ada ilmu itu beliau akan lakukan. Beliau ada terbaca falsafah bermaksud 'Kalau kita datang daripada lurah yang dalam dan kita bercita-cita ke puncak yang tinggi, itu bukan satu impian kosong. Selagi kita sanggup berjalan dan terus berjalan kita sebenarnya semakin hampir kepada puncak itu dan ini lebih baik daripada berdiam diri'. Dari sekarang kita bergerak dari se tapak ke se tapak, inilah impian yang beliau hendakkan bukannya beliau hendak keluar dalam surat khabar hari-hari. Kalau dahulunya tangkapan satu kontena tipis, sekarang Kastam tangkap 40 kontena sekali gus. Perkara ini kita tidak keluar dalam surat khabar tetapi kalau kita keluar dalam surat khabar, bolehlah gambarkan perasaan Kerajaan. *No reason at all* untuk tidak memelihara negara. Kastam akan melakukan berbagi-bagi cara. Timbalan-timbalan beliau telah diberi portfolio untuk memastikan core-business Kastam dapat dilaksanakan dengan betul. Macammana kita hendak mencari angka yang betul, kita kena cari penilaian dan penjenisan yang betul, kita kena cari kawalan zon yang betul. Untuk pengetahuan ahli-ahli, terdapat 420 kes penyeludupan berlaku melalui Pelabuhan Klang saja dan nilainya ialah RM 31 juta. Kontena yang lalu ditangkap oleh Kastam, takkan kontena lalu Kastam tangkap kontena lalu Kastam tangkap, orang tak buat lagi. Kalau teori itu ialah nisbah 1:10, nilainya ialah RM 300 juta. Di kawasan import/eksport, selama 2 tahun, satu lori daripada 2,000 buah lori telah disahkan masuk ke dalam zon. Yang lain apabilah di periksa ia ke tempat lain, macammana barang yang dibawa lori itu tak masuk ke zon pun. Kita semua dipertanggungjawabkan. Ada banyak perkara yang menjadikan beliau takut untuk menjadi Ketua Pengarah Kastam, bila kita tahu rupanya banyak sebenarnya yang kita tidak tahu. Apabila kita dibertahu, kita mula memikirkan apa lagi yang kita tidak tahu. Bantulah Kastam supaya membolehkan Kastam betul-betul dapat melaksanakan *core business*. Sampaikanlah kepada ahli-ahli sekalian supaya jangan mengikrar harga-harga yang tidak masuk akal. Kastam telah terima harga tak masuk akal. Kenapa berniaga berasaskan harga gila, bagi pengimport Kastam gila. Semua orang kata harga BMW RM 74 yang diikrarkan dalam Borang K8 tak masuk akal kita kata jelas tetapi apabila sudah ada banyak kesilapan kita tidak tahu apa yang silap. Walaupun Kastam gagal kita kena ikrar K8 dengan betul.

Yang ketiga ialah teknologi. Kita akan membangunkan teknologi kerana ia memudahkan kita bekerja dan apabila kita ada teknologi kita kena ubah cara kita bekerja. Kastam akan mengubah banyak cara bekerja dengan teknologi terbaru. Diantara perkara yang mungkin akan diperkenalkan ialah bayar cukai dahulu teliti/*verify* kemudian. Ujian telah di jalankan di Johor dan feedback adalah positif. Sesiapa yang ikrar dengan betul akan dapat cepat. Pasukan Verifikasi akan membuat pemeriksaan dan membentuk akaun dengan cepat apabila Jabatan dilengkapi dengan kenderaan baru. Kita juga dibenarkan oleh Kerajaan menghantar pegawai-pegawai KDRM membuat kajian harga diluar negara seperti Germany. Kita juga mempunyai hubungan baik dengan negara-negara tertentu dalam WCO dimana kita mendapat harga-harga sebenarnya. Harap maklumlah bahawa eloklah kita daripada awal betul. Sebenarnya menjadi orang baik bukan susah sangat, biasakan perkara-perkara betul dan betulkan perkara-perkara biasa.

Yang keempat ialah kepentingan rakyat mempunyai dua maksud. Pertama, Kastam *at the same time* rakyat. Kalau dia jadi Kastam dia tidak hendak jadi rakyat, dia tidak hendak jadi warganegara, dia tidak sayang agama, bangsa, tanah airnya, rugilah Kerajaan mengambilnya sebagai Kastam. Lebih baik ambil pekerja-pekerja Indonesia atau daripada negara-negara jadi Kastam. Kenapa kita ambil rakyat Malaysia sebagai Kastam supaya pada masa yang sama dia menjadi Kastam ketika dia jadi rakyat, orang yang kasih jatidiri pada agama, bangsa dan tanah air. Rakyat itu bermaksud hubungan Kastam dengan rakyat, iaitu, Kastam tidak akan berjaya melaksanakan tugasnya tanpa bantuan rakyat. Sebagai contoh tadi, kalau kita hendak membetulkan harga/cukai yang kita pungut KDRM tidak akan berjaya tanpa bantuan semua ahli-ahli sekalian. Dalam usaha pencegahan kemasukan mercun, kalau rakyat Tionghua tidak bakar mercun, nampak macam Kastam berjaya, tetapi kalau semasa Cap Goh Mei mercun dibakar habis-habisan, sudah nampak Kastam tidak berjaya walaupun Kastam nampak dapat tingkatkan pungutan hasil. Sebab itulah KDRM akan banyakkkan program dengan rakyat termasuklah dengan pihak swasta. Kita akan pergi kepada rakyat dan rakyat datang kepada Kastam, misalnya kita beri kereta-kereta berat kepada sekolah vokasional dan beras Kastam kepada fakir-fakir miskin. Ia bertujuan untuk memberitahu Kastam jika ada penyeludupan beras dan kalau hendak beras lagi sila beritahu Kastam. Begitu juga dalam hal-hal yang lain, kita mendekati rakyat dan Kastam ingin mendekati pihak Swasta. Sebagai bukti itu, beliau telah membuat satu dasar bahawa mulai tahun ini AKMAL akan mengadakan satu *wing* lagi iaitu Sekolah Swasta untuk melatih pihak Swasta bermula April 2006. Beliau percaya kalau Swasta tidak tahu apa yang Kastam hendak, tentulah menyusahkan Kastam dan kalau orang itu tahu kehendak seseorang dia akan ada dua pilihan, hendak buat baik atau jahat. Selain daripada kita *outsource* kepada orang tertentu, Jabatan mengambil tanggungjawab untuk melatih orang awam terutama *business people* dalam aspek GST. Beliau telah menawar kepada beberapa orang Pebekas untuk menjadi tenaga pengajar AKMAL. Apa yang beliau cakap adalah daripada hati atau jiwa beliau, apabila beliau bercakap semua nampak air muka beliau, getaran suara beliau dan wajah beliau, beliau tidak berselindung apa yang beliau cakap. Beliau bercakap secara ikhlas, inilah terdaya beliau sebagai memulakan kerjasama dengan pihak Swasta semasa beliau terajui KDRM.

AGENDA 2

UCAPAN PENGERUSI BERSAMA

Y.M. Raja Abd. Aziz bin Raja Musa telah memperkenalkan diri beliau kepada semua ahli-ahli Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta yang hadir pada hari tersebut. Beliau adalah seorang daripada Timbalan Presiden FMM dan dalam beberapa tahun yang lepas beliau telah menyandang jawatan Pengerusi *Customs Committee of FMM*.

Beliau ingin mengendos apa yang dicakap oleh YBhg. Dato' Haji Abd. Rahman bin Abd. Hamid, Ketua Pengarah Kastam Malaysia mengenai *smartpartnership*. Pada akhir tahun 2004, beliau telahpun melancarkan program kerjasama (*smartpartnership*) diantara pihak Kastam dengan FMM. Diantaranya kita telah mengadakan beberapa program latihan bersama dengan Kastam yang bersangkutan paut dengan produk yang dikeluarkan oleh ahli-ahli FMM. Dengan adanya program ini, kita telah didedahkan kepada maklumat-maklumat tentang penyeludupan dan perlunya *urgent control of under-declared products* seperti apa yang dicakapkan oleh Pengerusi tadi. Sebenarnya *deposition of under-declared products* ke Malaysia memang berleluasa yang sedikit sebanyak akan menjejaskan industri tempatan. Setakat ini kerjasama yang telah ditunjukkan oleh pihak Kastam sangat menggalakkan. Beliau berharap usaha ini akan dapat diteruskan. Memanglah menjadi satu hasrat Kerajaan bahawa pihak Swasta akan menjadi salah satu *pillar of the economy* dan kerjasama ini seharusnya wujud diantara pihak-pihak Kerajaan secara amnya, dan khususnya pihak Kastam dengan pihak Swasta yang dilakukan untuk kepentingan negara.

Bagi pihak Swasta, sebenarnya dengan wujudnya globalisasi, yang kita perjuangkan ialah *fair competition* dan dengan adanya penyeludupan dan *under-declaration* akan menyukarkan kerja-kerja kita. Beliau juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Kastam dan Pengerusi mengenai penjelasan dan pendirian ICTR yang akan memerangsangkan kita. Dengan adanya *attitude* yang baik dari kedua-dua pihak, negara akan terus maju.

AGENDA 3

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL.1/2005

1. Pembetulan Minit Mesyuarat Bil.1/2005

A. PEMBETULAN KEPADA TINDAKAN DALAM AGENDA 5 (MEMBINCANG USUL-USUL BARU)

i. Bil 12, Muka Surat 21 – Procedure on Inspection of Empty Containers

Perkataan ‘**Untuk makluman**’ di bahagian Tindakan ditukarkan kepada ‘**Bahagian Kastam Ibu Pejabat dan Kastam Selangor**’

2. Pengesahan Minit Mesyuarat Bil.1/2005

Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta 1/2005 diterima oleh semua Ahli Jawatankuasa Panel Perundingan Kastam-Swasta Bil. 1/2006.

AGENDA 4

MEMBINCANGKAN PERKARA BERBANGKIT

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
1.	Section 22 of the Sales Tax Act 1972 Pursuant to Section 22 of the Sales Tax Act, 1972, the sales tax chargeable under Section 6(a) shall be due at the time the taxable goods are sold, disposed of otherwise than by sale or first used otherwise than as material in the manufacture of taxable goods, by the taxable person. As a result, some sales tax offices interpret Section 22 to levy sales tax on intermediate taxable components and parts even though the final product is not taxable. Although the intermediate taxable components and parts are not sold or disposed of but used to manufacture the non-taxable final product, tax is imposed on the contention that they are "first used otherwise than as material in the manufacture of taxable goods." For example, the final products which are not subject to sales tax but whose components and parts are subject to sales tax are motor cycles, Digital Loop Carrier and Synchronous Digital Hierarchy. In view of the above, the Institute would like to seek clarification from the RCM as to whether the intermediate taxable components and parts which are used to manufacture non-taxable final products, are subject to sales tax.	<u>Usul oleh MIA</u> Keputusan atas sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti mengilang barangan 'intermediate' bercukai yang akhirnya digunakan sendiri dalam pengilangan barangan siap tidak bercukai (integrated process) telah dibuat oleh Perbendaharaan iaitu meremitkan cukai kebelakangan atas barangan 'intermediate' tersebut yang dituntut oleh Jabatan. Ini bermakna Perbendaharaan masih mengekalkan dasar semasa untuk mengenakan cukai ke atas barangan 'intermediate' berkenaan selaras dengan peruntukan undang-undang. Dengan ini, mana-mana syarikat yang membuat rayuan remisi atas isu yang sama dibawah Peruntukan Seksyen 33 Akta Cukai Jualan 1972 akan dipertimbangkan oleh Menteri Kewangan mengikut <i>merit</i> sesuatu kes. Syarikat boleh juga memohon pengecualian di bawah Seksyen 10, Akta Cukai Jualan 1972 mengikut '<i>yearly basis</i>'. Pihak Urusetia dan Bahagian Cukai Dalamam perlu siapkan <i>isu paper</i> untuk dikemukakan kepada Perbendaharaan.	Urusetia dan Bahagian Cukai Dalamam
2.	Manufacture and Other Operations in Relations to Goods in Licensed Warehouse Under section 65A of the Customs Act, the current practice requires for submission of a requisition for permission to remove dutiable goods from a licensed manufacturing warehouse.	<u>Usul oleh MICCI</u> Panasonic HA Air Conditioning(M) Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor boleh memohon ke Bahagian Kastam Ibu Pejabat untuk mendapat kelulusan.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
	Recommendations It is proposed that instead of manual application to Customs for approval, the warehouse could be allowed to submit the application electronically i.e. via e-mail to the officer. This will expedite the process.		
3.	Exemption of Duty Under Section 65 and 65A of the Customs Act, there are various forms (Lampiran X, Lampiran Y, LMW licence and general bond) for application of exemption for all raw materials/components and machinery where the approval will be on a yearly basis. Recommendations It is suggested that Customs issue a standard format to LMW companies for the exemption where there is one common computerised system for all ports and that the approval be given on a two-year basis for all	<u>Usul oleh MICCI</u> Sistem sudah dibangunkan oleh syarikat swasta dan dilaksanakan di Selangor sebagai pilot projek tetapi pengilang perlu bayar. Syarikat tersebut diminta untuk membuat persembahan kepada pihak Swasta untuk mendapatkan responsnya. Kelulusan pengecualian masih kekal satu tahun bagi tujuan pemantauan keatas pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan pengecualian tetapi permohonan rayuan boleh dibuat dan pertimbangan akan diberi secara <i>case by case</i>.	Untuk makluman
4.	Monthly Customs Report Records are required to be kept by the licensee of any warehouse of all goods received into and delivered from his warehouse. Recommendations It is proposed that Customs allow the company to forward to Customs the month end summary/ figures only. The full information will be kept by the company or alternatively, the details could be provided in electronic format to Customs, upon request.	<u>Usul oleh MICCI</u> Cadangan tidak diterima. Walau bagaimanapun Jabatan bersetuju untuk menerima penyata dalam bentuk CD (cakera padat).	Untuk makluman
5.	Master Exemption List Upstream Oil and Gas Companies operating in Malaysia under PSC terms with	<u>Usul oleh MICCI</u> Perkara ini telah dirujuk kepada Pengerusi Jawatankuasa	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
